

Demokrasi kita demi negara, rakyat - Dr. M

Oleh ZAINI RABAN

SHAHALAM 15 April - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat Malaysia tidak perlu malu dengan sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini walaupun sering dikecam oleh negara-negara demokrasi etnik Eropah sebagai tidak liberal seperti mereka.

Sebaliknya, Dr. Mahathir berkata, rakyat Malaysia harus berbangga dengan demokrasi ala Malaysia kerana ia diamalkan untuk kebaikan negara dan rakyatnya, dan bukannya rakyat dan negara yang harus dikorbankan untuk kebaikan demokrasi.

"Kita sudah lihat bagaimana demokrasi yang liberal telah menghancurkan budaya, moral dan agama dan kita tidak perlu halalkan kehancuran ini atas nama demokrasi," katanya ketika berucap pada majlis penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Sains Politik dan Kerajaan kepada beliau sempena Istiadat Konvokesyen Komemoratif oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini, hari ini.

Beliau berkata, kematangan demokrasi di Malaysia terbukti apabila tidak ada kejadian besar yang mencemar proses pilihan raya berlaku sepanjang 11 kali diadakan dalam tempoh 47 tahun kecuali dua pekerja parti terbunuh semasa kempen pilihan raya tahun 1969.

Katanya, di negara ini, segala urusan pilihan raya dilakukan dengan tertib dan pemerhati asing yang dijemput mengakui tidak ada penipuan dalam urusan pemilihan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan kerajaan.

Namun, katanya, walaupun proses demokrasi nampak mudah, tetapi ia sebenarnya adalah satu sistem pemerintahan yang amat rumit dan amat terdedah kepada kemungkinan rasuah, huru-hara dan anarki.

Katanya, pemerintahan kerajaan demokrasi juga memberikan hak kepada rakyat untuk mengkritik kerajaan dan ini menyebabkan kerajaan demokrasi sukar menjadi stabil dan memerintah tanpa gangguan.

Selain itu, katanya, demokrasi juga memberikan hak kepada sesiapa sahaja untuk menjadi pemerintah dan apabila tidak ada satu pun parti yang mempunyai cukup wakil untuk membentuk kerajaan, kerajaan campuran terpaksa diwujudkan dan kerajaan seperti itu biasanya lemah dan terpaksa menumpu kepada politik dan tidak kepada pemerintahan yang baik.

Matang

Justeru, kata Dr. Mahathir untuk mencapai tahap negara demokrasi yang stabil dan sistem itu membawa kebaikan tahap kematangan rakyat dan kepada mereka keka terhadap batasan dan had demokrasi perlu ada di kalangan rakyat.

Katanya, suara ramai tidak selalunya benar kerana kerap berlaku suara ramai itu tidak diasaskan kepada kebenaran dan pemikiran yang waras, sebaliknya lebih dipengaruhi oleh nafsu dan kepentingan kelas atau kaum tertentu.

Sebagai contoh, katanya, di sebuah negara Eropah, oleh kerana pekerja lebih ramai daripada majikan, maka kuasa kerajaan diberikan kepada pekerja dan apabila kerajaan Buruh terlalu memihak kepada pekerja sehingga pendapatan dan kemudahan untuk pekerja ditambah dengan begitu kerap menyebabkan produk negara tersebut hilang daya saing, perusahaan ditutup dan pengangguran meningkat.

Beliau berkata, keadaan seperti itu juga boleh berlaku sekiranya demokrasi di sebuah negara berbilang kaum memberikan kuasa kepada kaum terbesar sahaja menyebabkan kaum minoriti tertindas seperti yang berlaku di Yugoslavia yang tampuk kuasa dipegang oleh etnik Serb.

Dr. Mahathir juga mengingatkan bahawa demokrasi juga boleh menjurus kepada terbentuknya kerajaan yang tidak cekap berikutan tindakan rakyat memilih pemimpin berasaskan kepada emosi, marah atau benci kepada sesuatu dan juga terlalu setia kepada pemimpin atau parti.

Katanya, demokrasi juga boleh menyebabkan kerajaan gagal bertindak dengan tegas dan keras terhadap sesuatu masalah seperti tindakan ganas, demonstrasi dan mogok mengakibatkan masalah itu tidak dapat diselesaikan, seterusnya mewujudkan iklim ekonomi yang buruk dan tidak sesuai untuk pelaburan.

"Dalam keadaan ini, ekonomi tidak mungkin tumbuh dan peniaga kecil serta

besar akan mengalami kerugian. Pekerja juga akan kehilangan mata pencarian, akan menganggur. Dan keadaan yang buruk ini akan menjadikan politik lebih tidak stabil dan kerajaan tidak berkesan.

"Apabila keadaan menjadi kronik, pemulihan secara demokrasi tidak mungkin. Di beberapa negara, pemerintahan kuku besi digunakan untuk menstabilkan negara, kadang-kadang dengan bantuan luar," katanya.

Dr. Mahathir menegaskan, jika penyalahgunaan kebebasan demokrasi tidak dibendung dari awal dan dengan tegas, demokrasi tidak mungkin kekal dan sudah tentu tidak akan membawa kebaikan kepada negara dan rakyat seperti yang diharapkan.

Bagaimanapun, tegasnya, demokrasi tetap sistem pemerintahan terbaik yang pernah dicipta oleh manusia tetapi untuk menjayakannya, rakyat perlu faham bahawa ia tidak bebas dari kecacatan dan hak rakyat perlu dibataskan sebelum hak itu diperluaskan secara beransur-ansur apabila rakyat semakin matang.